

05/07/2004

Pak Lah serah MT buat keputusan

By Kadir Dikoh; Misiah Taib

BANGI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk membuat keputusan sama ada Umno Bahagian Kepala Batas dan Pekan tidak perlu membuat pencalonan bagi jawatan tertinggi, termasuk Naib Presiden, pada pemilihan parti September ini.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno yang mengetuai bahagian Kepala Batas berkata, MT akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat ini untuk memutuskan perkara itu.

Abdullah berkata, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak yang juga Ketua Umno Bahagian Pekan, sudah memaklumkan mengenai isu itu, tetapi beliau menjelaskan lebih baik perkara berkenaan diputuskan MT.

"Ini adalah berkaitan, ada ura-ura nak mengecualikan bahagian Kepala Batas dan Bahagian Pekan daripada membuat pencalonan. Saya menganggap lebih baik dibincangkan dalam MT," katanya selepas menghadiri sidang kemuncak Kelab Penyayang 2004 bagi institusi pengajian tinggi tempatan di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas cadangan sesetengah pihak supaya kedua-dua bahagian terbabit mengambil pendirian berkecuali kerana pencalonan Bahagian Kepala Batas dan Pekan dikhuatiri mempengaruhi perwakilan pada pemilihan barisan kepimpinan parti.

Secara kebetulan, kedua-dua bahagian terbabit akan mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian pada hari yang sama Ahad, 18 Julai ini.

Mesyuarat peringkat bahagian bermula Khamis ini sehingga 22 Julai setelah mesyuarat bagi 19,232 cawangan berakhir 30 Jun lalu tetapi sebilangan kecilnya diarah bermesyuarat semula.

Abdullah berkata mesyuarat MT yang biasanya diadakan pada akhir bulan, boleh diadakan lebih awal sebelum Umno Bahagian Kepala Batas dan Pekan bermesyuarat pada 18 Julai.

Bagaimanapun, katanya, beliau belum menetapkan tarikh mesyuarat MT kerana akan mengadakan lawatan rasmi ke luar negara dalam tempoh terdekat ini.

"Jadi lebih baik dibuat sebelum saya keluar (negara). Kalau saya keluar dan tunggu balik pula, jadi lewat lagi. Kalau lewat pun, Datuk Seri Najib masih boleh mempengerusikan MT, bukan MT tak boleh bersidang kalau saya tak ada," katanya.

Namun, katanya, masih terlalu awal untuk membincangkan sama ada Umno Bahagian Kepala Batas dan Pekan perlu berkecuali daripada membuat pencalonan untuk jawatan Naib Presiden saja atau meliputi semua 25 jawatan ahli MT.

Pada pemilihan parti 2000, Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Presiden Umno ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, membuat pencalonan untuk tiga jawatan Naib Presiden dan kebetulan ketiga-tiganya menang.

Mereka ialah Najib, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengulangi sejarah kemenangan 1993.

Bahagian Kubang Pasu tidak membuat pencalonan pada pemilihan Umno 1993 dan 1996 untuk menunjukkan sikap berkecuali terhadap pertandingan merebut jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, mesyuarat MT Umno pada tahun 2000 mengarahkan semua bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Mengenai mesyuarat 191 bahagian Umno yang bermula Khamis ini, Abdullah menasihati semua pihak supaya mematuhi peraturan serta perlembagaan

parti bagi memastikan ia dapat dijalankan dalam suasana yang baik.

"Harap tidak ada apa-apa yang mengganggu perjalanan mesyuarat sehingga boleh menyebabkan mesyuarat itu tak boleh berlangsung, melanggar peraturan mesyuarat atau perlembagaan," katanya.

(END)